



Tourism Malaysia anjur Cuti-Cuti Malaysia Kuala Lumpur Explore Race 2023

Oleh Ercy Gracella Ajos - Ogos 7, 2023 @ 7:16pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Tourism Malaysia menganjurkan Program Cuti-Cuti Malaysia – Kuala Lumpur Explore Race (CCMKLER) 2023 membabitkan 300 peserta yang terdiri daripada penggiat industri, media arus perdana dan baharu serta orang awam.

Tourism Malaysia dalam satu kenyataan berkata, penganjuran CCMKLER 2023 pada Sabtu lalu adalah antara inisiatif pihaknya dalam mempromosikan produk pelancongan di sekitar ibu kota sebagai tarikan kepada pelancong antarabangsa dan domestik.

Katanya, penganjuran program ini dilaksanakan dengan kerjasama Menara Kuala Lumpur, Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Muzium Negara, Sogo KL, Ibis Kuala Lumpur City Centre, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan GMBC Mall.

Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Datuk Dr Ammar Abd Ghapar dalam kenyataan berkata, penganjuran program itu dapat meningkatkan lagi semangat penggiat industri tempatan untuk mewujudkan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam mempromosi dan mempelbagaikan produk-produk pelancongan supaya mereka kekal unik, relevan dan berdaya saing.

Selain itu, program CCMKLER 2023 bertujuan menjalin hubungan kerjasama yang lebih erat antara pemain industri dan juga media tempatan di kawasan Lembah Klang.

"Pada tahun 2022, seramai 171 juta pelawat domestik direkodkan dengan peningkatan sebanyak 160.1 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu dengan 66 juta pelawat domestik," katanya.